

**SATU TINJAUAN MENGENAI PENYAKIT
MALARIA**

**NORIHA BINTI MAT DIN
ROZANA BINTI SHAMSUDDIN
MAULIDIAH BINTI ABDUL RAHMAN
SITI ASMAH BINTI SYED HARUN**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MENDAPATKAN DIPLOMA
DALAM KURSUS DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**FAKULTI PENTADBIRAN
&
UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
CAWANGAN PERAK, TAHUN 2001**

PENGHARGAAN

Assalammualaikum Warahmatullah

Pertama sekali kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof Madya En Fauzi Bin Mohd Harun di atas sedala tunjuk ajar dan bimbingan beliau kepada kami dalam menyiapkan kertas projek ini. Penghargaan ini juga kami tujukan buat anggota-anggota di Pusat Kawalan Vektor Daerah Kuala Kangsar dan Hospital Kampar serta Pusat Kesihatan Kampar Bahagian Kawalan Vektor yang telah banyak memberikan maklumat-maklumat dan kerjasama kepada kami. Kepada bekas-bekas pesakit malaria yang sempat kami temubual dan akhir sekali penghargaan istimewa kami kalungkan buat keluarga tercinta yang turut sama berkorban masa dan berkongsi suka duka sehingga lah kami berjaya menyiapkan kertas projek ini dengan jayanya. Terimakasih. Wassalam

Noriha Mat Din

Rozana Shamsuddin

Maulidiah Abdul Rahman

Siti Asmah Syed Harun

1hb April 2001

SINOPSIS

Malaria merupakan salah satu daripada masalah kesihatan yang utama bagi penduduk Malaysia. Walaupun aktiviti mengawalnya telah dilakukan beberapa dekad yang lalu dimana ia telah berjaya mengurangkan insiden malaria, ia masih lagi berlaku di sesetengah kawasan di luar bandar dan juga di kawasan kurang membangun di negara ini melalui bilangan dan jumlah kes yang datang ke klinik dan hospital. Penerangan telah dibuat melalui buku ini dimana ia merangkumi pelbagai aspek mengenai malaria dan pengurusannya ini adalah bertujuan untuk membantu pegawai-pegawai kesihatan dan perubatan dalam menangani masalah malaria dan komplikasinya. Penerangan mengenai ubat-ubatan anti-malaria dan proses mendapatkan ‘mefioquine’ juga diberikan kepada kes-kes rujukan

KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)	iv
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)	v
KANDUNGAN	vi

BAB

I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah	1
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Metodologi Kajian	7
1.4 Hipotesis Kajian	8
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Sekatan Dan Masalah	10
1.8 Organisasi Kajian	11

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 . Pengenalan Dan Peryataan Masalah

Malaria atau demam kura adalah satu penyakit yang mempunyai sebaran meluas yang mana kira-kira 500 juta penduduk dunia terdedah kepada penyakit ini dengan 300 hingga 500 juta kes dilaporkan setiap tahun. Di Malaysia selain daripada denggi, malaria adalah antara 24 jenis penyakit berjangkit yang menjadi punca utama ramai pesakit datang ke klinik atau hospital kerajaan. Jika denggi disebarluaskan melalui gigitan oleh nyamuk Aedes, penyakit malaria pula adalah sejenis penyakit yan disebabkan oleh sejenis parasit yang di panggil Plasmodium.

Pensyarah Jabatan Parasitologi dan Entimologi, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Nor Hayati Isa berkata, terdapat tiga spesis parasit yang membawa malaria ke negara ini iaitu Plasmodium Falciparum, Plasmodium Vivax dan Plasmodium Malariae. Manakala Plasmodium Ovale tidak terdapat di negara